

# TETANUS

## 1. Apakah itu tetanus (kancing gigi)?

Tetanus disebabkan oleh bakteri *Clostridium tetani*. Bakteri tersebut terdapat di mana mana terutama di kawasan pertanian dan kawasan yang terlibat dalam aktiviti mengendalikan najis haiwan. Spora *Clostridium tetani* boleh masuk ke dalam tubuh manusia melalui luka; sama ada luka tercucuk atau luka terbuka. Gejala jangkitan ini disebabkan oleh neurotoksin berbahaya yang dihasilkan oleh bakteria tersebut dalam tisu mati (contohnya dari luka yang kotor).

## 2. Apakah tanda dan gejala yang boleh berlaku jika seseorang dijangkiti bakteria tersebut?

Seseorang boleh mendapat kekejangan otot yang menyakitkan. Lazimnya ia bermula dengan otot-otot rahang dan dipanggil *lockjaw* atau *trismus*. Kemudian kekejangan juga boleh melibatkan otot leher, otot peha, otot belakang badan, otot pernafasan dan lain-lain kumpulan otot badan. Kekejangan yang berpanjangan boleh menyebabkan otot koyak dan tulang patah. Rangsangan luar yang sederhana boleh mencetuskan kekejangan, sehingga menyebabkan komplikasi kancing gigi yang serius.

## 3. Apakah komplikasi yang boleh berlaku setelah dijangkiti bakteria tersebut?

Kadar kematian antara 10% hingga lebih 80% terutama di kalangan mereka yang tidak pernah menerima pelalian, mereka yang berumur 60 tahun ke atas atau bayi baru lahir. Selain otot koyak dan tulang patah akibat kekejangan yang lama, jangkitan paru-paru (*pneumonia*) boleh berlaku akibat aspirasi makanan atau cecair ke dalam paru-paru semasa kekejangan.

## 4. Bagaimana pencegahan dapat dilakukan untuk mengelakkan dijangkiti bakteria tersebut?

Bagi kanak-kanak, pelalian menggunakan vaksin Toksoid

Tetanus diberikan sekurang-kurangnya 3 dos semasa bayi, dan dos tambahan mengikut jadual yang ditetapkan (Jadual Program Imunisasi Kanak-kanak di Malaysia).

Bagi ibu mengandung pula, mereka diberi pelalian toksoid tetanus supaya antibodi boleh memasuki tubuh bayi yang baru lahir dan mencegah bayi dari mendapat tetanus. Bayi boleh mendapat tetanus sekiranya tali pusat dipotong dengan menggunakan peralatan yang tidak disucikuman dan juga melalui penjagaan tali pusat yang tidak bersih seperti meletakkan ubat-ubatan tradisional di pusat.

#### **5. Jika saya mengalami luka, apa yang perlu saya lakukan?**

Sekiranya individu mengalami luka terutama luka yang kotor, dapatkan pelalian toksoid tetanus kerana antibodi yang lazimnya terbentuk dalam masa empat (4) hari selepas pelalian akan dapat melawan toksin bakteria. Manakala paras toksin bakteria *Clostridium tetani* yang boleh menyebabkan gejala lazimnya berlaku dalam tempoh enam (6) ke tujuh (7) hari selepas mengalami luka